

## 1. GAMBARAN KESELURUHAN PROJEK

### Langkah-langkah lain bagi pemuliharaan berasaskan kawasan yang berkesan

Kawasan Perlindungan merupakan pendekatan utama bagi mencapai perlindungan dan pemuliharaan ekosistem laut, pesisiran pantai, air tawar dan daratan secara jangka masa panjang di Malaysia. Pendekatan pelengkap yang diperkenalkan dalam Sasaran 11 Aichi Konvensyen Kepelbagaian Biologi (KKB), iaitu *Other Effective Area-based Conservation Measures (OECM)* atau langkah-langkah lain bagi pemuliharaan berasaskan kawasan yang berkesan, membolehkan perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti penting di kawasan yang berada di luar rangkaian Kawasan Perlindungan.

OECM dinyatakan sebagai pendekatan pemuliharaan berasaskan kawasan dalam Sasaran 6 Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2016-2025. Besar kemungkinan bahawa kawasan konservasi, hutan komuniti atau kawasan yang diurus untuk pemuliharaan oleh pemilik tanah persendirian akan menghasilkan faedah *in-situ* yang signifikan bagi biodiversiti – tetapi untuk ianya diiktiraf dan dilaporkan sebagai OECM, adalah penting untuk terdahulunya meningkatkan pemahaman kita terhadap OECM di Malaysia: apakah ciri-ciri yang menentukan OECM serta apakah cara-cara pentadbiran dan pengurusan kawasan ini yang menghasilkan pemuliharaan biodiversiti jangka masa panjang?

CBD COP Keputusan 14/8 mentakrifkan OECM sebagai “kawasan yang ditentukan secara geografi, selain Kawasan Perlindungan, yang ditadbir-urus dan diurus dengan cara-cara yang mencapai hasil jangka panjang yang positif dan lestari untuk pemuliharaan biodiversiti *in-situ* dengan fungsi dan perkhidmatan ekosistem yang berkaitan dan dimana berkenaan, nilai budaya, rohani, sosio-ekonomi, dan nilai-nilai tempatan lain yang berkaitan”

### Projek ini: mengiktiraf dan melaporkan OECM di Malaysia

Bermula Oktober 2019, SE Asia Rainforest Research Partnership (SEARRP) dengan sokongan dana daripada GEF-Small Grants Programme di Malaysia sedang menjalankan sebuah projek selama dua tahun untuk menyiasat potensi OECM dan meningkatkan pemahaman tentang bagaimana pendekatan ini dapat dilaksanakan di Malaysia. Tujuan keseluruhannya adalah bagi menentukan dasar dan institusi yang diperlukan supaya OECM di Malaysia dapat menyumbang secara rasmi ke arah pemuliharaan biodiversiti *in-situ* berasaskan kawasan. Untuk maklumat lanjut mengenai projek dan bidang tumpuan, sila layari : [www.searrp.org/pr/oecm-malaysia](http://www.searrp.org/pr/oecm-malaysia).

### Penilaian tapak

Peringkat penilaian tapak merupakan salah satu bidang tumpuan utama projek ini di mana kami akan menguji kriteria dan metodologi yang telah dikembangkan oleh IUCN untuk menilai tapak OECM yang berpotensi di Malaysia. Semasa Bengkel Permulaan Projek pada bulan Mac 2020, kami berbincang dengan Kumpulan Penasihat projek untuk meneliti kes-kes kajian tapak berpotensi yang telah dihantar oleh pihak-pihak berkepentingan semasa Panggilan Kes Kajian terbuka. Hasil saranan daripada Kumpulan Penasihat projek, sejumlah tapak yang pada amnya memenuhi kriteria OECM telah dipilih untuk dikaji secara lebih lanjut dalam peringkat penilaian tapak yang diterangkan di Lampiran II.

### Kumpulan Penasihat Projek


Pasukan Pengendali Projek menerima nasihat teknikal dari sebuah Kumpulan Penasihat bebas yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang tadbir-urus dan pengurusan pemuliharaan biodiversiti di Malaysia, bersama dengan wakil dari Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Perbadanan Perhutanan Sarawak dan Pusat Biodiversiti Sabah. Ahli-ahli Kumpulan Penasihat menyediakan masa dan kepakaran mereka secara sukarela dan akan menyokong Pasukan Pengendali Projek semasa peringkat penilaian tapak.

### Pasukan Pengendali Projek

Dr Agnes Agama	Pengurus Projek, SEARRP	agnesagama@searrp.org
Ms Melissa Junaidi Payne	Penyelaras Projek, SEARRP	melissa@searrp.org
Datuk Dr Glen Reynolds	Saintis Projek SEARRP	glen@searrp.org
Ms Preetha Sankar	Perunding Undang-undang	
Mr Adam Murphy	Perunding dan Penyelaras Penilaian Kawasan	

## 2. RANCANGAN KERJA DAN KEPERLUAN DATA BAGI PENILAIAN TAPAK

Penilaian tapak bagi projek ini boleh bermula setelah persetujuan telah diperolehi dari pihak berkuasa tapak. Penilaian akan dilakukan dalam tiga peringkat:



### PERINGKAT 1: KAJIAN MEJA

#### APAKAH TUJUANNYA?

Untuk meningkatkan pemahaman mengenai tapak melalui semakan dokumen dan maklumat pemetaan yang berkaitan dengan nilai-nilai biodiversiti, budaya, kerohanian dan lain-lain nilai, serta sistem pengurusan dan pentadbiran.

#### BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERINGKAT INI?

Kami jangka peringkat ini akan mengambil masa selama 2 hingga 3 bulan. Ini akan bergantung pada masa yang diperlukan untuk mendapatkan akses kepada maklumat, jumlah bahan yang perlu disemak serta kerumitan kes kajian tersebut.

### APAKAH YANG AKAN BERLAKU?

1. Pasukan Pengendali Projek akan menghubungi pihak berkuasa tapak untuk meminta akses kepada maklumat bagi peringkat ini. Maklumat ini adalah seperti yang dinyatakan dalam borang Panggilan Kes Kajian dan merangkumi:

	Jenis Maklumat	Nota Panduan
1	Data pemetaan (shapefile atau KML) yang menunjukkan sempadan tapak	Pertimbangan samada sesuatu tapak menepati kriteria OECS tidak dapat diteruskan tanpa data persempadanan yang tepat bagi tapak tersebut. Maklumat ini perlu disediakan dalam format shapefile (ArcGIS) atau KML (Google Earth). Sekiranya maklumat dalam bentuk tersebut tidak ada, kami memerlukan akses kepada peta fizikal (contohnya peta yang diimbas, JPEG atau PDF) yang menunjukkan sempadan tapak. Pasukan pengendali projek akan maklumkan sekiranya data ini dapat direalisasikan dalam bentuk peta digital.
2	Pelan pengurusan tapak	Bukti atau dokumentasi mengenai cara pengurusan suatu kawasan diperlukan untuk memenuhi kriteria OECS. Jenis maklumat ini harus diberikan dalam bentuk pelan pengurusan, pelan pembangunan kampung, protokol atau undang-undang (termasuk adat istiadat komuniti).
3	Laporan pemantauan biodiversiti yang dijalankan di tapak (atau di sekitarnya)	Salah satu kriteria OECS yang perlu dipenuhi adalah mencapai pemuliharaan biodiversiti yang berterusan dan berkesan. Oleh itu, tapak perlu menunjukkan bahawa ianya dapat menyokong nilai ekologi yang penting. Laporan kaji selidik dan pemantauan biodiversiti boleh dikongsi, selain senarai spesies dan/atau laporan lain yang menunjukkan atau menggambarkan biodiversiti yang terdapat di tapak anda, termasuklah fungsi pada tahap landskap (contohnya, rangkaian hutan). Laporan secara deskriptif atau kuantitatif kedua-duanya boleh digunapakai.
4	Hasil daripada setiap program pemantauan biodiversiti termasuk pemantauan nilai-nilai berkaitan.	Aktiviti pemantauan diperlukan bagi menetapkan data garis dasar dan menilai keberkesanan cara-cara pemuliharaan biodiversiti serta nilai-nilai yang berkaitan (contohnya, perkhidmatan ekosistem, budaya dan lain-lain). Ini boleh dikongsi dalam bentuk penilaian garis dasar dan/atau laporan pemantauan semasa (serta pemantauan berasaskan komuniti seperti pemetaan komuniti).
5	Dokumentasi lain mengenai nilai ekologi atau nilai berkaitan di tapak atau yang disokong melalui pengurusan dan tadbir-urus tapak.	Jenis maklumat lain yang dapat membantu kami untuk memahami tapak dengan lebih lanjut termasuk ciri-ciri perkhidmatan ekosistem yang berkaitan, nilai budaya, kerohanian dan nilai tempatan yang lain. Ini termasuk artikel jurnal atau berita, foto, video, peta komuniti, dan lain-lain.

2. Semasa peringkat ini, kami mungkin akan menghubungi pihak berkuasa tapak untuk membincangkan maklumat yang telah diberikan, meminta bahan maklumat tambahan (contohnya dokumen-dokumen yang disebutkan di dalam pelan pengurusan kamu), atau memohon perbincangan dengan pakar-pakar bebas. Sekiranya dokumen bertulis tidak ada, terutamanya di tapak yang ditadbir-urus oleh Orang Asal dan komuniti setempat, kami akan menjalankan temuramah dengan pihak berkuasa tapak atau wakil yang telah dipilih. Sepanjang proses ini, kami akan bekerjasama dan berkongsi maklumat terkini dengan pihak berkuasa tapak.

## PERINGKAT 2: LAWATAN TAPAK

### APAKAH TUJUANNYA?

Pasukan Pengendali Projek dapat memahami tapak dengan lebih mendalam, melihat keadaan tapak secara umumnya, aktiviti-aktiviti pengurusan, dan mengadakan temuramah bersama pihak berkuasa tapak serta wakilnya.

### BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERINGKAT INI?

Lawatan tapak dijangka akan memakan masa maksimum selama 2 hari, dan ini tidak termasuk masa perjalanan. Ini bergantung kepada kelapangan masa para calon temuramah dan kerumitan kes kajian tersebut.

## APA YANG AKAN BERLAKU?

1. Pasukan Pengendali Projek akan menghubungi pihak berkuasa tapak untuk menyelaraskan jadual dan keperluan logistik bagi lawatan tapak, termasuk persiapan untuk mengadakan temuramah. Kami sangat menghargai bantuan yang mungkin ada bagi pengangkutan, penginapan dan makanan. Segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh projek.
2. Pasukan Projek akan menjalankan temuramah dan perbincangan secara tidak formal bersama pihak berkuasa tapak dan wakil-wakilnya. Sekiranya orang-orang ini tidak dapat hadir ketika lawatan tersebut, kami akan aturkan dengan pihak berkuasa tapak untuk mengadakan sesi temuramah pada masa berlainan.
3. Melawat di tapak untuk melihat kawasan dan aktiviti utama. Pasukan Projek hanya akan memasuki tapak jika ditemani oleh wakil yang telah dilantik oleh pihak berkuasa tapak. Semasa lawatan, Pasukan Pengendali Projek akan melakukan observasi lapangan dan mendokumentasi keadaan tapak ketika lawatan itu (kualiti habitat, tanda-tanda gangguan dan sebagainya) dan akan berbincang pemerhatian tersebut dengan wakil tapak yang mengetuai lawatan itu. Lawatan ini tidak melibatkan pengambilan sampel biologi, namun kami jangka akan merekodkan bacaan GPS dan merakam foto atau video pendek.

## PERINGKAT 3: PENILAIAN AKHIR

### APAKAH TUJUANNYA?

Mengumpul dan menilai maklumat dari peringkat semakan meja dan lawatan tapak dan menetap samada tapak tersebut memenuhi kriteria OECS sepertimana yang ditetapkan oleh IUCN pada masa ini.


### BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERINGKAT INI?

Kami menjangkakan lebih kurang 2 bulan untuk peringkat ini. Ini bergantung kepada masa yang diperlukan untuk pengesahan bagi profil tapak dan juga kerumitan kes kajian.

## APAKAH YANG AKAN BERLAKU?

1. **PENYEDIAAN PROFIL TAPAK.** Pasukan Pengendali Projek akan menyusun segala maklumat yang telah dikumpulkan dan akan menghasilkan sebuah profil deskriptif bagi tapak tersebut. Draf profil tapak akan dikongsikan dengan pihak berkuasa tapak untuk mengesahkan sekiranya penerangan profil tersebut adalah tepat. Setelah disahkan oleh pihak berkuasa tapak, profil tapak akan dihantar untuk penilaian akhir .
2. **PENILAIAN TERHADAP KRITERIA OECS.** "Ditentukan secara geografi", "ditadbir-urus dan diurus", "mencapai hasil biodiversiti *in-situ* yang berkesan dan berterusan", begitu juga "hasil untuk nilai-nilai yang berkaitan termasuklah perkhidmatan ekosistem, nilai-nilai budaya dan kerohanian" adalah merupakan ciri-ciri utama bagi OECS seperti yang telah dinyatakan oleh IUCN pada masa ini. Pasukan Pengendali Projek akan berpandukan kepada Metodologi Penilaian OECS IUCN<sup>1</sup> dan - dengan input daripada Kumpulan Penasihat projek - akan mengaplikasikan nilai "lampu trafik" (sila rujuk di bawah) untuk menentukan kecenderungan tapak tersebut dalam menepati setiap kriteria OECS di dalam metodologi penilaian.

<sup>1</sup> [www.iucn.org/commissions/world-commission-protected-areas/our-work/oecms/oecm-reports](http://www.iucn.org/commissions/world-commission-protected-areas/our-work/oecms/oecm-reports)



3. **MENENTUKAN KEPUTUSAN KESELURUHAN.** Setelah penilaian terhadap kesemua kriteria telah siap, Pasukan Pengendali Projek, dengan input daripada Kumpulan Penasihat projek, akan menentukan keputusan keseluruhan berkaitan dengan kesesuaian tapak dalam memenuhi definisi dan elemen OECM.

Pasukan Pengendali Projek akan menghasilkan laporan ringkas yang menerangkan hasil penilaian beserta justifikasi. Bagi tapak yang menepati kriteria OECM, laporan itu akan memberikan penerangan terperinci mengapa ia boleh menjadi OECM dan akan mencadangkan langkah-langkah untuk pemantauan jangka panjang sekiranya perlu. Bagi tapak yang telah dikategorikan sebagai bukan OECM pula, kriteria yang tidak ditepati itu akan dinyatakan dan diterangkan di dalam laporan dan kami akan mengesyorkan tindakan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak berkuasa tapak sekiranya mereka ingin memenuhi kriteria OECM dengan sepenuhnya.

#### APAKAH YANG BERLAKU SETELAH SELESAI PENILAIAN?

Walau apapun hasil yang didapati daripada penilaian setiap tapak, kami akan mengambil pengajaran untuk melakukan analisis berdasarkan bukti mengenai potensi OECM untuk mencapai pemuliharaan *in-situ* bagi biodiversiti yang berada di luar Kawasan Perlindungan di Malaysia. Ini adalah peluang yang mengujakan untuk mengenalpasti dan mempelajari, sumbangan dari pelbagai pihak termasuklah komuniti tempatan, pemilik individu, sektor swasta dan kerajaan, yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir-urus tapak tersebut. Ilham dari kes kajian akan membantu kita untuk memahami rintangan dan jurang yang dihadapi oleh pelbagai golongan pihak berkuasa tapak yang ingin mengekalkan dan meningkatkan kerja konservasi mereka.

Kami berhasrat analisis ini dapat menjadi panduan dalam membentuk sebuah rangka kerja bagi pendekatan OECM di Malaysia; walaupun OECM telah ditampilkan sebagai pendekatan dalam Sasaran 6 Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan Malaysia 2016-2025, pada masa kini masih belum ada panduan dasar khas atau "standard rasmi" bagaimana OECM itu ditakrifkan, dinilai, diberi insentif atau disokong di Malaysia. Di peringkat antarabangsa, panduan teknikal IUCN untuk OECM sentiasa diperhalusi melalui proses konsultasi berterusan, ujian lapangan, maklumbalas dan pembelajaran dari pengalaman di pelbagai negara – dan kami berhasrat supaya projek ini serta input daripada pihak kamu akan menyumbangkan maklumbalas penting dari perspektif negara Malaysia.

Penilaian tapak (samaada menepati kriteria IUCN atau tidak) merupakan langkah awal yang penting dalam proses pembelajaran di mana projek ini akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Perbadanan Perhutanan Sarawak dan Pusat Biodiversiti Sabah (yang diwakili dalam Kumpulan Penasihat projek) bersama dengan ahli-ahli lain Kumpulan Penasihat yang bekerja dalam bidang konservasi biodiversiti di seluruh Malaysia.

Kami berhasrat untuk menggunakan kes-kes kajian penilaian tapak dengan cara-cara yang berikut:

1. Menyusun portfolio kes-kes kajian OECM Malaysia, dengan menekankan perkongsian pengetahuan dan menyokong penambahbaikan berterusan dalam pemuliharaan *in-situ* yang berasaskan kawasan;
2. Memaklumkan persiapan panduan teknikal untuk pihak berkepentingan tempatan bagi mengenal dan menilai OECM di Malaysia;
3. Menyokong kajian dasar strategik projek ini dalam mengembangkan cadangan bagi OECM di Malaysia; dan
4. Bagi penyebaran maklumat awam, termasuk dalam bengkel yang melibatkan pihak berkepentingan, seperti diterangkan dalam Lampiran III.

Hasil projek yang lengkap yang merangkumi semua hasil di atas akan dikongsikan dengan rakan sekerja kerajaan, pihak berkuasa tapak dan pihak berkepentingan projek apabila projek ini dijangka berakhir pada penghujung tahun 2021.

### 3. MAKLUMAT UNTUK PENYEBARAN AWAM

Melibatkan pihak berkepentingan dan menyebarkan maklumat mengenai OECM adalah komponen utama projek ini dan kami merancang untuk membentangkan kes-kes kajian tapak-tapak OECM di Malaysia di mesyuarat, persidangan tempatan dan antarabangsa, di laman web projek ([www.searrp.org/pr/oecm-malaysia](http://www.searrp.org/pr/oecm-malaysia)) dan juga pada ruang media sosial SEARRP. Kami turut berhasrat untuk mendokumentasikan dan mengkongsikan pengalaman proses OECM di Malaysia dan merancang untuk menghasilkan suatu siri bahan komunikasi (contohnya risalah, poster, bulletin, artikel, dll.) serta bahan penerbitan projek (contohnya laporan, manual panduan penilaian OECM, dll.) yang akan memperlihatkan kerja kami dalam kes-kes kajian OECM dan juga aktiviti-aktiviti lain projek (contohnya lawatan tapak, konsultasi bersama pihak berkepentingan, dll.). Kami berniat untuk mengkongsikan maklumat ini secara meluas dan berkemungkinan besar akan membuat versi PDF agar dapat di muat turun secara dalam talian.

Jadual di bawah menerangkan mengenai maklumat tapak anda yang kami ingin gunakan untuk tujuan penyebaran maklumat awam dan sekaligus mempromosikan hasil kerja projek serta kes-kes kajian OECM di Malaysia. Kami akan bekerjasama rapat dengan anda (atau wakil dilantik oleh anda) untuk mengumpulkan kesemua bahan maklumat berkaitan tapak anda termasuklah penulisan, peta dan foto seperti yang diterangkan di bawah.

Kami memohon persetujuan anda untuk membenarkan SEARRP mengguna, menerbit semula, dan menyebarkan maklumat di dalam Jadual di bawah kepada khalayak awam atas tujuan untuk mempromosikan hasil kerja projek.

Maklumat berkenaan tapak	Perincian
Nama	Nama tapak tersebut.
Nama pihak berkuasa	Nama pihak berkuasa yang bertanggungjawab atas tadbir-urus dan pengurusan tapak tersebut. Sekiranya terdapat dimana tanggungjawab ini dikongsi oleh beberapa pihak, semua nama pihak yang terlibat perlu disenaraikan.
Lokasi	Nama daerah dan negeri di mana terletak tapak itu, termasuklah jarak dengan kawasan perlindungan dan ciri-ciri geografi penting (contohnya sungai, pekan, dll.). Peta akan dihasilkan oleh Pasukan Pengendali Projek (contohnya dalam bentuk fail jpeg) dan akan menunjukkan lokasi tapak serta sempadannya. Sekiranya terdapat zon teras di dalam tapak (contohnya zon larangan, zon perlindungan yang ketat), ini akan dipaparkan pada peta.
Saiz	Saiz tapak dalam hektar serta saiz sebarang zon teras, jika berkenaan.
Penerangan	Penerangan singkat berkenaan tapak untuk memberi konteks kawasan secara keseluruhan (contohnya latar belakang geografi, sejarah, biologi dan sosio-budaya) dan maklumat mengenai sistem tadbir-urus dan pengurusan. Ini akan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak berkuasa tapak dan sebarang maklumat tambahan yang diperolehi melalui penilaian tapak.
Ringkasan nilai-nilai biodiversiti serta fungsi dan perkhidmatan ekosistem yang berkaitan, dan nilai budaya, kerohanian, sosio-ekonomi dan nilai tempatan yang lain.	Penerangan nilai-nilai biodiversiti (contohnya spesies RTE, ekosistem, dll.) dan sebarang nilai yang berkaitan, berdasarkan penemuan yang diperolehi melalui penilaian tapak.
Status gelaran	Sekiranya berkaitan, maklumat berkenaan status gelaran tapak samada secara rasmi atau tidak rasmi (contohnya tapak RAMSAR, Indigenous Peoples and Community Conserved Area (ICCA), tapak Green List, Important Bird Area atau Flyway (IBA), Tapak Warisan, dll.); samaada status gelaran adalah ditahap antarabangsa, kebangsaan, tempatan atau secara tidak rasmi; dan juga jika status gelaran telah diiktiraf atau masih dalam bentuk cadangan.
Gambaran	Foto atau video berkenaan tapak dan persekitarannya. Ini boleh disediakan oleh pihak berkuasa tapak atau yang dirakamkan oleh Pasukan Pengendali Projek ketika menjalankan lawatan tapak.

Kami sangat mengalu-alukan kemungkinan untuk meletakkan logo anda (sekiranya berkenaan) bersama dengan kes kajian tapak anda. Namun, ini adalah tertakluk kepada budi bicara anda sendiri dan kami berbesar hati untuk membincangkan syarat penggunaan secara bukan komersial dengan anda.